

02 JAN 1997

Pemuda-Muhammad

PEMUDA UMNO PUAS HATI DENGAN PENJELASAN MB SELANGOR

KOTA BAHARU, 2 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyatakan mereka berpuas hati dengan penjelasan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berhubung kes penahanannya di Australia kerana tidak mengisytiharkan wang sebanyak RM2.4 juta ketika meninggalkan negara itu.

"Apa yang dijelaskan memuaskan hati dan kita tidak mahu menambah kenyataan kerana ia mungkin mengeruhkan keadaan," kata ketua pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi kepada pemberita ketika ditemui di pejabat Umno negeri di sini.

Menurutnya pemuda Umno mempunyai pendirian yang sama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sehubungan itu "kita jangan prejudis mengenai isu ini sampailah mahkamah membuat keputusan".

Muhammad ditahan di Brisbane, Australia pada 22 Dis lepas kerana gagal mengisytiharkan sejumlah wang yang dibawanya itu kepada pihak berkuasa Australia.

Dalam penjelasannya, Muhammad berkata wang itu adalah milik keluarganya untuk membeli hartanah di Gold Coast, Brisbane, Australia.

Zahid mengakui isu Muhammad itu ada meninggalkan kesan sedikit terhadap suasana politik sekarang tetapi beranggapan Pas tidak perlu menjadikannya sebagai satu isu menjelang pilihan raya kecil Pulau Chondong Isnin ini.

Katanya beliau bersimpati dengan Muhammad dan menyifatkan isu itu diperbesarkan ekoran peranan media yang memberi liputan meluas hingga menarik perhatian ramai.

"Janganlah kita hukum sebelum mahkamah sendiri membuat keputusan," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata para pemimpin Umno tidak sepatutnya membawa sejumlah besar wang bersama khususnya ke luar negeri kerana pelbagai kemudahan bank boleh diperolehi sekiranya ingin mengadakan urusan niaga.

Mengenai pilihan raya kecil Pulau Chondong, Zahid berkata pemuda Umno akan berkunjung dari rumah ke rumah di kawasan itu dalam tempoh berkempen ini bagi membantu jentera yang ada.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN Yusoff Hamzah dan calon Pas, Zulkefli Mamat. Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian anggota Dewan undangan negeri kawasan itu, Kapten (B) Mohd Nor Ahmad pada 4 Dis.

-- BERNAMA

RAR AHH